

Headline	Pensyarah tampil beri keterangan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	22	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	90 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,855
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,566



Pensyarah tampil beri keterangan

Arau: Pensyarah lelaki sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negeri ini yang didakwa mencabul seorang pelajar perempuan sudah tampil ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Arau, di sini, untuk diambil keterangan pada Selasa lalu.

Sumber berkata, lelaki lingkungan 40-an berkenaan bagaimanapun dibebaskan dengan jaminan, namun polis mengambil telefon bimbitnya untuk siasatan lanjut.

“Pada masa ini, polis masih menyasat kes berkenaan termasuk mengumpul bukti daripada saksi, mangsa dan suspek bagi menyiapkan kertas siasatan. Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 354, Kanun Keseksaan kerana mencabul,” katanya, di sini, semalam.

Dalam kejadian pada 31 Mac lalu, seorang pelajar perempuan lingkungan 20-an membuat laporan polis selepas mendakwa dicabul seorang pensyarah yang juga pakar motivasi terkenal.

Harian Metro kelmarin melaporkan, Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau Prof Datuk Dr Ahmad Redzuan Abd Rahman mengesahkan pensyarah terbabit sudah meminta pihak pengurusan untuk ‘merehatkannya’ buat sementara waktu.

Redzuan dipetik sebagai berkata, tindakan itu dibuat berikutan kontroversi yang tersebar meluas di media sosial mengaitkan dirinya dengan perbuatan salah laku dengan seorang pelajarinya.

Katanya, dia menyerahkan siasatan kes berkenaan sepenuhnya kepada polis dan akan menyalurkan bantuan jika diperlukan demi menjaga imej IPTA terbabit.